

# U-KEFEN TABLETS 1MG

Ketotifen fumarate (1mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan U-Kefen Tablets
2. Bagaimana U-Kefen Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan U-Kefen Tablets
4. Cara menggunakan U-Kefen Tablets
5. Semasa menggunakan U-Kefen Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan U-Kefen Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan U-Kefen Tablets

Ia digunakan untuk mencegah asma dan juga diberi untuk merawat keadaan alahan seperti rinitis (radang dalam hidung) dan konjunktivitis (radang membran kelopak mata).

## Bagaimana U-Kefen Tablets berfungsi

Ketotifen adalah bahan aktif untuk U-Kefen Tablets. Ia adalah sejenis antihistamin dengan kesan anti-alergik. Histamin adalah sejenis bahan kimia yang dikeluarkan ke dalam badan semasa reaksi alergik. U-Kefen Tablets berfungsi dengan menghalangi kesan histamin semula jadi di dalam badan.

## Sebelum menggunakan U-Kefen Tablets

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi kepada *ketotifen* dan sebarang kandungan dalam U-Kefen Tablets.
- Jika anda mengambil agen anti-diabetik oral.
- Jika anda sedang menyusukan anak.

### - Sebelum menggunakan U-Kefen Tablets

Anda harus beritahu doktor anda sekiranya:

- anda alergi terhadap sebarang ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- anda hamil, sedang cuba untuk hamil, mungkin hamil atau sedang menyusukan anak.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat-ubat berikut mungkin berinteraksi dengan U-Kefen Tablets:

- Sedatif (bahan kimia yang digunakan untuk mengurangkan tekanan dan kebimbangan serta memberi ketenangan),
- Hipnotik (bahan kimia untuk menimbulkan rasa mengantuk)
- Antihistamin
- Alkohol.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan U-Kefen Tablets

Diambil melalui mulut.

### - Berapa banyak harus digunakan

**Orang dewasa:** 1mg ketotifen (1 tablet) 2 kali sehari bersama makanan, menambah sekiranya perlu kepada 2mg (2 tablet) 2 kali sehari.

**Kanak-kanak 2 tahun ke atas:** 1mg (1 tablet) 2 kali sehari.

Jika anda rasa mengantuk dengan mudah, menggunakan 0.5-1mg ( $\frac{1}{2}$  to 1 tablet) pada waktu malam untuk beberapa hari yang pertama.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia harus diambil pada kadar yang tetap untuk 6–12 minggu sebelum sebarang kesan baik diperhatikan.

### - Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Simptom-simptom termasuklah mengantuk, keliru, dispnea (kesusahan bernafas), bradikardia (kadar degupan jantung yang perlahan) atau takikardia (kadar degupan jantung yang cepat), disorientasi (kehilangan tentu arah atau kekeliruan) dan konvulsi. Nistagmus (pergerakan bola mata yang cepat dan tidak terkawal pada mana-mana arah), sakit kepala, hipotensi (tekanan darah rendah) dan koma berbalik terutamanya pada kanak-kanak. Bradikardia dan depresi pernafasan (penurunan kadar pernafasan) harus diberi perhatian.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan U-Kefen Tablets

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil U-Kefen Tablets.
  - Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
  - Hubungi doktor jika simptom anda bertambah buruk atau tidak bertambah baik.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
- U-Kefen Tablets tidak harus diberi untuk rawatan serangan asma akut atau status asmatikus (serangan asma yang teruk yang tidak bertindak balas dengan baik kepada rawatan segera).
  - Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
  - Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
  - Jangan memberi U-Kefen Tablets kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
- Elak daripada memandu atau mengendalikan mesin kerana *ketotifen* boleh menyebabkan mengantuk.
  - Elakkan minuman beralkohol.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, U-Kefen Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan yang paling biasa adalah rasa mengantuk, keletihan, berat badan meningkat dan kekeringan mulut. Pening, loya, sakit kepala, asma yang bertambah teruk, bronkospasma (penyempitan saluran pernafasan) dan status asmatikus pernah berlaku pada sesetengah pesakit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami

sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada sebarang pertanyaan atau untuk memperoleh maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers*→*Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan U-Kefen Tablets**

- Cara penyimpanan
- Jangan guna selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut. Simpan pada tempat yang dingin, kering, di bawah suhu 30°C. Jauhi dari kanak-kanak.
- Pelupusan
- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air bungan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk
- Tablet berbentuk bulat, putih, berskor, rata dengan logo 'MPI' dan diameter 7mm.
- Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif:  
*Ketotifen Fumarate*
- Bahan tidak aktif:  
*Ludipress, Sodium Starch Glycolate dan Magnesium Stearate.*

- Nombor MAL:  
MAL19930564AZ

#### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

14/06/2021

#### **Nombor Siri:**

NPRA(R2/2)210331/643